

06/11/1998

Tiada faedah sertai reformasi

Siswi Antireformasi

SAYA amat sedih dan kecewa dengan apa yang dilakukan oleh segelintir rakyat yang merusuh di kaki lima jalin raya melaungkan slogan `reformasi' bagi membela nasib rakyat. Apakah mereka faham slogan yang dilaungkan itu? Reformasi apakah yang mahu mereka tuntutan? Sudahkah diri dan minda sendiri direformasikan. Apakah dengan mencanang keburukan orang lain dan memaki hamun pemimpin yang banyak berjasa kepada negara, agama dan bangsa boleh dikatakan reformasi?

Janganlah anda bertindak mengikut rasa hati kerana ia akan membinasakan diri sendiri juga orang yang tidak bersalah. Sepatutnya dalam keadaan sebegini, kita harus bersabar di samping memohon petunjuk dari Allah SWT kerana hanya Dia Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui.

Wahai bangsaku, tidakkah berasa malu dengan mendakwa diri sebagai seorang Islam tetapi memperlihatkan perangai dan tingkah laku yang ditegah oleh agama?

Sedarlah wahai bangsaku jangan sekali-kali kita bertopengkan agama untuk kepentingan diri sendiri apatah lagi menjatuhkan bangsa dan negara.

Seharusnya anda sedar orang yang selama ini anda hina dan cabar, adalah orang yang mengangkat maruah dan martabat bangsa kita pada mata dunia. Beliau membuktikan yang "orang Melayu (Islam) juga mampu berdiri sama tinggi dan sama gagah dengan sekutu-sekutu Barat. Sehingga kini, bangsa kita dikenali dan disanjung. Tidakkah anda sedari, pemimpin inilah satu-satunya pemimpin dari negara dunia ketiga yang berani bersuara demi menentang ketidakadilan Barat tanpa memikirkan nyawa beliau yang mungkin terancam. Untuk apa semua ini dilakukan? Jawabnya untuk kita, anak-anak, cucu-cucu serta generasi kita akan datang. Semuanya dilakukan bagi mempertahankan kedaulatan generasi kita agar kita tidak di hina dan hanyut ditelan zaman. Apakah tidak cukup lagi pengorbanan yang beliau lakukan? Sehingga kita sanggup menutup mata dan memekakkan telinga. Fikirkan wahai bangsaku.

Sememangnya lumrah manusia tidak pernah merasa puas dan bersyukur atas apa yang mereka perolehi. Justeru, saya mewakili suara sebahagian besar rakyat di negara ini yang cintakan keamanan agar anda hentikanlah perbuatan dan gerakan reformasi anda itu. Jangan nanti disebabkan nila setitik rosak susu sebelanga.

Kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, saya yakin dengan kepemimpinan Datuk Seri. Bersabarlah dalam menghadapi dugaan itu. Sesungguhnya, Allah itu Maha Mengetahui akan apa yang berlaku. Sebagai seorang khalifah di muka bumi ini, kita hanya mampu berdoa dan memohon rahmat daripadaNya.